

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NASIONAL

KKM cadang larangan rentas negeri rai Aidilfitri

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) mencadangkan pergerakan rentas negeri dilarang sempena sambutan Aidilfitri tahun ini, susulan situasi penularan pandemik COVID-19 yang masih membimbangkan ketika ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata ia berikutan rungutan dan rayuan pelbagai pihak supaya kerajaan menangguhkan kebenaran pergerakan rentas negeri disebabkan jumlah kes positif COVID-19 yang masih tinggi.

"Seperti yang kita sedia maklum, kebanyakan negeri ketika ini masih bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

"Memandangkan kes harian masih meningkat dan belum stabil, maka pergerakan ini perlu

ditangguhkan.

"Program vaksinasi (Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan) pun masih berjalan," katanya pada sidang media selepas melancarkan buku *Malaysia Health Sector Response to COVID-19: Perspectives From The Field*, di pejabat beliau di sini, semalam.

Baru-baru ini, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob meminta KKM membuat pengumuman awal berhubung rentas negeri sempena Aidilfitri selepas membuat penilaian risiko supaya rakyat boleh membuat persediaan.

Malaysia semalam merekodkan 2,148 jangkitan baharu COVID-19, dengan peningkatan hampir di semua negeri. Kali terakhir KKM melaporkan lebih 2,000 kes adalah pada 5 Mac lalu.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Jangkitan pandemik kembali melonjak

2,148 kes baharu direkod, Terengganu catat kadar kebolehhajngkitan tertinggi

Oleh Zanariah Abd Mutalib, Noor Atiqah Sulaiman, Mohd Amin Jalil. bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jangkitan pandemik COVID-19 di negara ini, kembali melonjak kepada 2,148 kes baharu dengan 10 kematian semalam, selepas kali terakhir merekodkan angka melepasi 2,000 kes pada 5 Mac lalu.

Selain menyaksikan lonjakan kes baharu itu, kadar kebolehhajngkitan atau R-naught (Rt) COVID-19 di seluruh negara juga, turut meningkat apabila berada pada 1.14 pada Rabu lalu, ber-

banding 1.09 hari sebelumnya.

Terengganu kini mencatatkan kadar kebolehhajngkitan tertinggi dengan nilai Rt 1.30, diikuti Kelantan (1.27), Putrajaya (1.26), Sabah (1.21), Sarawak (1.19), Perlis (1.17), Kuala Lumpur (1.15), Kedah (1.08), Negeri Sembilan (1.06) dan Perak (1.06).

Pada masa sama, COVID-19 varian Afrika Selatan B.1.351 dan UK B.1.1.7 COVID-19, yang mempunyai kadar kebolehhajngkitan yang tinggi dan cepat turut di kesan di negara ini, ketika banyak kajian saintifik masih berjalan berhubung gejala dan kesan jangkitannya.

Situasi penularan ketika ini, jika gagal dikawal dengan pematuan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat, mencecutkan kebangkitan terhadap risiko berlaku penularan gelombang keempat kes positif COVID-19 di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kumulatif COVID-19 di negara ini kini mencapai 367,977 kes, dengan Sarawak mencatatkan kes tertinggi

semalam dengan 512 kes, diikuti Selangor (459) serta Kelantan (221).

Beliau berkata, selain 10 kematian dengan masing-masing tiga dilaporkan di Selangor dan Kuala Lumpur, manakala dua kes di Sarawak serta satu di Johor dan Sabah, sejumlah 15 kluster baharu dikesan membabitkan tempat kerja dan dalam komuniti.

"Kluster tempat kerja membabitkan pusat pendidikan, pekerja kilang, restoran serta pusat perkhidmatan, dikenali sebagai Kluster Kampung Bunut Sarang Burung (Tumpat, Kota Bharu dan Tanah Merah di Kelantan) menjangkiti 50 kes; Kluster Kampung Domis (Kuala Krai, Machang, Pasir Mas, Tumpat dan Tanah Merah) menjangkiti 40 kes.

"Turut dikesan ialah Kluster Kampung Labok (Machang) menjangkiti sembilan kes; Kluster Kok Lanas (Kota Bharu, Tanah Merah dan Tumpat) menjangkiti 31 kes dan Kluster Jaya Setia (Petaling) menjangkiti 12 kes.

"Selain itu Kluster Perabot Olak Lempit (Kuala Langat) men-

Kumulatif COVID-19 di negara ini kini mencapai 367,977 kes, dengan Sarawak mencatatkan kes tertinggi semalam dengan 512 kes, diikuti Selangor (459) serta Kelantan (221)

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan



jangkiti 25 kes; Kluster Lorong Megah Jaya (Sandakan) menjangkiti 18 kes serta Kluster Jalan Labuk Tiga (Sandakan dan Lahad Datu) menjangkiti 15 kes," katanya.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin, menyarankan kajian semula terhadap kelonggaran seperti kebenaran mengunjungi bazar Ramadan susulan 17 kes positif COVID-19 varian Afrika Selatan B.1.351 di negara ini.

Beliau berkata, varian virus itu dikatakan lebih mudah tersebar kerana mempunyai kadar kebolehhajngkitan lebih tinggi, seterusnya mewujudkan risiko berlakunya gelombang keempat kes positif COVID-19 di negara ini.

"Apa yang membimbangkan beberapa vaksin yang ada tidak efektif untuk melawan varian terbahit, sekali gus memberi kesan kepada PICK yang dilaksa-

nakan dan gelombang keempat mungkin akan lebih teruk.

"Minggu lalu, kita tengok hampir berjaya menurunkan gelombang ketiga, namun beberapa hari lalu ia meningkat semula, saya bimbang ini akan beri kesan kepada PICK," katanya selepas melawat Pusat Pemberian Vaksin Negeri Sembilan di Dewan Majlis Bandaraya Seremban, semalam.

Justeru, Khairy berkata, Majlis Keselamatan Negara (MKN) perlu meneliti semula kelonggaran diberikan kepada orang ramai termasuk berkaitan bazar Ramadan.

"Kita tidak boleh salahkan orang ramai kerana mereka memang nak ke bazar Ramadan, tapi yang jelas sukar kalkalkan penjarakan fizikal, walaupun penguatkuasaan dilakukan.

"Mereka akan berdekatan dengan orang lain, justeru saya rasa kita perlu melihat perkara ini dengan serius," katanya.

Kadar kebolehhajngkitan seluruh negara meningkat

Dari Muka 1

Malah, kadar kebolehhajngkitan atau R-naught (Rt) COVID-19 mengikut kes seharian di seluruh negara Rabu lalu juga terus meningkat kepada 1.14, berbanding 1.09 pada hari sebelumnya.

Berdasarkan data dikongsi Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, Terengganu mencatatkan kadar kebolehhajngkitan COVID-19 tertinggi dengan nilai Rt 1.30, manakala Kelantan (Rt 1.27), Putrajaya (1.26), Sabah (1.21), Sarawak (1.19), Perlis (1.17), Kuala Lumpur (1.15), Kedah (1.08), Negeri Sembilan (1.06) dan Perak (1.06).

Dr Noor Hisham juga berkata, KKM mengesan dua lagi kes jangkitan virus varian UK B.1.1.7, menjadikan jumlah keseluruhan kes dijangkiti varian itu menjadi lima.

Dr Adham ketika ditanya ke-

ungkinan mereka yang sudah lengkap menerima dua dos vaksin COVID-19 dibenarkan untuk merentas negeri berkata, pihaknya masih menunggu dapatan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit yang berpangkalan di Amerika Syarikat, sebelum keputusan mengenai itu dibuat.

Sementara itu, Dr Adham memaklumkan, pihaknya menerima banyak aduan berhubung kegagalan pematuan prosedur operasi standard (SOP) di beberapa lokasi bazar Ramadan seluruh negara.

Beliau menegaskan, kerajaan memandang serius perkara itu dan tidak menolak kemungkinan bazar Ramadan akan ditutup jika wujud kluster baharu yang ada kaitan dengan aktiviti bazar.

"Kalau kluster bazar wujud, kita (KKM) akan melakukan siasatan melalui rekod aplikasi

MySejahtera untuk mendapatkan punca yang tepat. Mudah bagi kita mengesan punca atau tempat bermula jangkitan.

"Jika penganjur didapati tidak bertanggungjawab, kita tidak akan teragak-agak mengenakan kompaun," katanya.

Mengenai penurunan kuasa kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) mengenakan kompaun terhadap individu yang gagal mematuhi SOP, beliau berkata, lantikan dibuat di bawah Seksyen 25 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342) bertujuan memastikan tahap pematuan SOP di bazar Ramadan.

Berkuat kuasa kelmarin, KKM menurunkan kuasa kepada Datuk Bandar, Yang Dipertua dan pegawai penguat kuasa PBT Gred 19 ke atas, untuk mengkompaun kesalahan bawah Akta 342, termasuk ketidakpatuhan SOP di bazar Ramadan. BERNAMA

Terkini COVID-19

1,259

Pulih, dibenarkan keluar hospital, semalam

2,148

Kes baharu disahkan, semalam

1,363

Jumlah kematian dicatat

367,977

Jumlah kes disahkan positif

17,575

Kes yang masih dirawat

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : COVID-19

430 petugas KKM dihantar ke Sarawak

Putrajaya: Seramai 430 petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan dihantar ke Sarawak pada 21 April ini bagi menambah petugas kesihatan dalam menangani penularan pandemik Covid-19.

Menterinya Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, keputusan untuk menambah petugas kesihatan itu dibuat selepas beliau membuat lawatan ke Sarawak pada Isnin dan Selasa lalu termasuk melawat Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 di

Stadium Perpaduan, Kuching.

"Berdasarkan keadaan dan dapatan daripada lawatan itu, kami dapati wujud keperluan segera untuk menambah petugas kesihatan ke Sarawak. Penambahan akan dilaksanakan secara berperingkat," katanya.

Kelmarin, Sarawak merekod 489 kes baharu Covid-19, dengan Kluster Tembok Sri Aman dan Kluster Jalan Puncak Borneo menjadi punca utama kes positif. Dr Adham berkata mengi-

kut data dikumpul, Sarawak memerlukan 1,436 petugas kesihatan termasuk pegawai perubatan, penolong pegawai perubatan, pegawai sains mikrobiologi, jururawat dan pemandu.

"Semua petugas kesihatan dihantar (ke Sarawak) terdiri daripada mereka yang sudah menerima dua dos suntikan vaksin Covid-19," katanya.

Menurut Dr Adham, hampir 600,000 petugas barisan hadapan mendapatkan suntikan dos pertama vaksin Co-

vid-19 dan hampir 470,000 melengkap dos ke dua.

Mengenai taburan kes mengikut daerah di Sarawak, beliau berkata, bagi 1 April hingga semalam, daerah Meradong mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 771 diikuti Julau (605), Bintulu (556), Kapit (387), Beluru (343) dan Sibul (283).

"Ini antara daerah mempunyai kadar kes tinggi melebihi *average* negeri iaitu per 100,000. Jadi KKM akan hantar lebih ramai petugas di kawasan itu" katanya.



ANGGOTA Polis Diraja Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengawasi sekatan jalan raya (SJR) di pintu gerbang sempadan negeri Pahang dan Terengganu di Kampung Chendor, Kuantan, semalam.

Putrajaya

RENTAS NEGERI SAMBUT AIDILFITRI

KKM cadang tangguh dahulu

Kementerian Kesihatan (KKM) mencadangkan pergerakan rentas negeri bagi sambutan Aidilfitri tahun ini ditangguh susulan situasi penularan pandemik Covid-19 masih membimbangkan ketika ini.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, ia berikutan rungutan serta rayuan pelbagai pihak supaya kerajaan menagih kebenaran pergerakan berkenaan.

"Seperti mana kita sedia maklum, kebanyakan negeri ketika ini masih di bawah PKPB (Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat) dan PKPP (Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan) sehingga 28 April ini.

"Memandangkan kes harian meningkat dan belum stabil maka pergerakan perlu ditangguhkan. Program vaksinasi (Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan) pun masih dijalankan," katanya pada sidang media selepas melancarkan buku Malaysia

Health Sector Response to Covid-19: Perspectives From The Field di sini, semalam.

Ditanya mengenai kemungkinan mereka yang lengkap menerima dua dos suntikan vaksin Covid-19 dibenarkan rentas negeri, Dr Adham berkata, pihaknya masih menunggu dapatan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit berpangkalan di Amerika Syarikat.

"Kita masih tunggu dapatan ini untuk dapatkan keputusan sama ada perkara ini boleh dibenarkan," katanya.

Mengenai prosedur operasi standard (SOP) di bazar Ramadan, Dr Adham memaklumkan pihaknya me-

nerima aduan mengenai kegagalan pematuan SOP di beberapa lokasi bazar Ramadan di seluruh negara.

Katanya, kerajaan memandang serius mengenai perkara tersebut dan tidak menolak kemungkinan bazar Ramadan ditutup sekiranya terdapat kluster baharu dipercayai daripada aktiviti bazar.

"Kalau kluster bazar wujud, KKM akan siasat melalui rekod aplikasi MySejahtera bagi mendapatkan punca yang tepat. Mudah bagi kita untuk kesan punca atau tempat bermula jangkitan. Sekiranya penganjur tidak bertanggungjawab, kita tidak teragak-agak dikenakan kompaun," katanya.

Mengenai kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) mengenakan kompaun kepada individu yang gagal mematuhi SOP, beliau berkata, lantikan di bawah Seksyen 25 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342) itu bertujuan memastikan tahap pematuan SOP di bazar Ramadan adalah tinggi.

Berkuat kuasa semalam, Kementerian Kesihatan telah menurunkan kuasa kepada Datuk Bandar, Yang Dipertua PBT dan pegawai penguat kuasa PBT Gred 19 ke atas untuk mengkompaun kesalahan di bawah Akta 342 termasuk sebarang ketidakpatuhan SOP bazar Ramadan.



ORANG ramai mematuhi ketetapan dengan memakai pelitup muka di sekitar KL Sentral berikutan kes Covid-19 kembali meningkat di Kuala Lumpur dan Selangor.

2,148 kes baharu koronavirus dicatat

Kuala Lumpur: Kes positif Covid-19 terus meningkat apabila 2,148 kes direkodkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), semalam.

Angka melebihi 2,000 kes itu direkodkan pertama kali sejak tempoh lebih dua minggu lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Sarawak mencatatkan kes harian baharu tertinggi 512 kes.

Katanya, daripada jumlah ini, sebanyak 420 kes adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat kes positif yang aktif dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti Selangor 459 kes dan Kelantan 221 kes manakala 57 kes dilaporkan pula berkaitan kluster di penjara yang membabitkan Kluster Telok Mas sebanyak 45 kes dan Kluster Penjara Jalan Harapan pula 12 kes,"



Ini diikuti Selangor 459 kes dan Kelantan 221 kes manakala 57 kes yang dilaporkan pula berkaitan kluster di penjara"

Dr Noor Hisham

katanya.

Menurutnya, KKM merekodkan 10 kes kematian semalam dengan masing-masing tiga kes di Selangor dan Kuala Lumpur, Sarawak (dua) dan masing-masing satu kes di Johor dan Sabah membabitkan sembilan warganegara dan seorang bukan warganegara.

Beliau berkata, 212 kes dirawat di unit rawatan rapi manakala 82 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Selamba rentas negeri nak jumpa kekasih hati

Seremban: Sengaja undang masalah apabila seorang lelaki sengaja merentas negeri tanpa permit pergerakan yang sah semata-mata mahu melepaskan rindu dan bertemu teman wanita berusia 21 tahun.

Lelaki berusia 29 tahun yang memandu dari Melaka ke pusat bandar ini bagaimanapun diberkas polis petang kelmarin.

Ketua Polis Seremban, Asisten Komisioner Mohd Said Ibrahim, berkata, kedua-dua individu itu ditahan oleh Unit Kereta Peronda Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seremban di Jalan Persiaran Utama S2/1 di sini, jam 4 petang.

"Lelaki terbabit yang memandu sebuah kereta didapati tidak berhenti apabila diarah berhenti untuk peme-

riksaan oleh anggota polis. "Polis mengejar kereta itu selain mendapatkan bantuan daripada tiga lagi unit kereta peronda polis.

"Kereta dipandu suspek didapati melanggar lampu merah selain membuat pusingan U tanpa kebenaran. Malah, kenderaan lelaki itu melanggar cermin sisi sebuah kereta lain sebelum berjaya ditahan," katanya.

Beliau berkata, pemeriksaan terhadap pemandu kereta mendapati lelaki itu datang dari Melaka tanpa mendapatkan permit pergerakan yang sah untuk melawat teman wanitanya di sini.

"Hasil ujian air kencing juga mendapati suspek positif dadah methamphetamine. Lelaki itu kini ditahan reman sehingga 15 April," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT



Dr Adham (tengah) melancarkan buku *Malaysia Health Sector Response to Covid-19: Perspectives From The Field* di pejabatnya di Putrajaya pada Khamis.

Tak boleh beraya di kampung?

KKM cadang pergerakan rentas negeri sambut Aidilfitri ditangguh

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mencadangkan pergerakan rentas negeri bagi sambutan Aidilfitri tahun ini ditangguhkan susulan situasi penularan pandemik Covid-19 masih membimbangkan ketika ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Babu berkata, ia berikutan rungutan serta rayuan pelbagai pihak agar kerajaan menangguhkan kebenaran pergerakan berkenaan.

"Sepertimana kita sedia maklum, kebanyakan negeri ketika ini masih di bawah PKPB (Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat) dan PKPP (Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan) sehingga 28 April ini.

"Memandangkan kes harian masih meningkat dan belum stabil, maka pergerakan ini perlu ditangguhkan.

"Program vaksinasi (Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan) pun masih dijalankan," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan buku *Malaysia Health Sector Response to Covid-19: Perspectives From The Field* di pejabatnya di sini pada Khamis.

Untuk rekod, Malaysia mencatatkan sejumlah 1,889 kes Covid-19 pada Rabu berbanding 1,767 kes pada Selasa.

Ditanya mengenai kemungkinan individu yang lengkap menerima dua dos suntikan vaksin Covid-19 dibenarkan

untuk rentas negeri, Dr Adham berkata, pihaknya masih menunggu dapatan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit yang berpangkalan di Amerika Syarikat.

"Kita masih menunggu dapatan ini untuk mendapatkan keputusan sama ada perkara ini boleh dibenarkan," katanya.

Mengenai prosedur operasi standard (SOP) di bazar Ramadan, Dr Adham berkata, pihaknya menerima aduan mengenai kegagalan pematuhan SOP di beberapa lokasi bazar Ramadan di seluruh negara.

Katanya, kerajaan memandang serius mengenai perkara tersebut dan tidak menolak kemungkinan bazar Ramadan ditutup sekiranya terdapat kluster baharu dipercayai daripada aktiviti bazar.

"Kalau kluster bazar wujud, kita (KKM) akan lakukan siasatan melalui rekod aplikasi MySejahtera bagi mendapatkan punca yang tepat.

"Mudah bagi kita untuk kesan punca atau tempat bermula jangkitan. Sekiranya penganjur tidak bertanggungjawab, kita tidak teragak-agak kenakan kompaun," katanya.

Mengenai kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) mengenakan kompaun kepada individu yang gagal mematuhi SOP, beliau berkata, lantikan di bawah Seksyen 25 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342) itu bertujuan memastikan tahap pematuhan SOP di bazar Ramadan adalah tinggi.

Berkuatkuasa Rabu, Kementerian Kesihatan menurunkan kuasa kepada Datuk Bandar, Yang Dipertua PBT dan pegawai penguat kuasa PBT Gred 19 ke atas, untuk mengkompaun kesalahan di bawah Akta 342 termasuk ketidakpatuhan SOP bazar Ramadan. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Tertinggi sejak 40 hari lalu dengan kes aktif sebanyak 17,575 kes

Covid-19 kembali meningkat

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA

Sebanyak 2,148 kes positif baharu Covid-19 dilaporkan pada Khamis iaitu tertinggi sejak 40 hari lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes di negara ini setakat ini ialah sebanyak 367,977 kes.

"Terdapat 19 kes import dan 2,129 kes penularan tempatan membabitkan seramai 1,791 rakyat tempatan dan 338 warga asing," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Kali terakhir kes baharu Co-

vid-19 tertinggi dilaporkan adalah pada 5 Mac lalu dengan 2,154 kes.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, jumlah kes aktif di seluruh negara ialah sebanyak 17,575 kes.

"Sebanyak 212 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 82 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerima sebanyak 10 laporan kes kematian berkaitan Covid-19 melibatkan sembilan rakyat tempatan dan seorang warga asing.

"Jumlah kumulatif kes



DR NOOR HISHAM

kematian adalah sebanyak 1,363 kes," ujarnya.

Menurutnya, KKM turut merekodkan 1,259 kes pulih sepenuhnya daripada Covid-19 menjadikan jumlah kumulatif kes pulih adalah sebanyak 349,039 kes.

Mengulas lanjut mengenai penularan dalam negara, Dr Noor Hisham berkata, Sarawak melaporkan kes tertinggi dengan 512 kes.

"Daripada jumlah ini, sebanyak 420 kes adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat kes positif Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, KKM mengesan dua lagi varian UK B.1.1.7 di negara ini sekali gus menjadikan jumlahnya lima kes.

"Dua kes terbaru merupakan pengembara Malaysia yang mempunyai sejarah perjalanan ke Poland pada Mac lalu," katanya.

Menurutnya, kedua-dua individu tersebut didapati positif pada 30 Mac dan telah diberikan rawatan selanjutnya.

"Analisa filogenetik pula menunjukkan kes keempat yang dijangkiti dengan varian UK B.1.1.7 mempunyai persamaan ketara dengan varian dari Poland dan mempunyai kebarangkalian tinggi bahawa kes tersebut mendapat jangkitan ketika berada di negara tersebut.


"Walau bagaimanapun, punca jangkitan bagi kes kelima pula tidak dapat ditentukan kerana analisis menunjukkan perbezaan bagi varian yang menjangkiti kes tersebut.

"Ini juga menunjukkan bahawa kedua-dua kes ini mendapat jangkitan melalui sumber yang berlainan," katanya.


Beliau berkata, varian UK B.1.1.7 dan varian South African B.1.351 yang telah dikesan di Malaysia boleh menular dengan mudah dan cepat.

"Orang ramai dinasihati agar sentiasa mengamalkan kebersihan sendiri dengan kerap membasuh tangan, memakai pelitup muka di tempat awam, dan menjaga penjarakan fizikal setiap masa," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI					
JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DI VAKSIN
367,977	349,039	212	1,363	+2,148	1,078,695



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 365,829 kes kepada 367,977 kes

INFOGRAFI SINAR HARIAN/EPIC

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT



WARGA kota kemungkinan tidak dapat menyambut Aidilfitri di kampung buat kali kedua. - GAMBAR HIASAN

KKM akan memohon tangguh rentas negeri

Tiada balik kampung buat kali kedua

Oleh AMREE AHMAD

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) kemungkinan besar akan memohon pengangguhan cadangan bagi tujuan merentas negeri untuk sambutan Hari Raya Aidilfitri pada bulan depan.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Adham Baba ketika memberi bayangan itu tidak menolak kemungkinan tiada 'balik kampung' pada musim perayaan kali ini sama seperti situasi tahun lalu.

"Memandangkan kes semakin meningkat, kita cadang rentas negeri ditangguh terlebih dahulu dalam masa terdekat sebab bimbang banyak varian baharu muncul dalam komuniti," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan buku *Malaysia Health Sector Response To Covid-19 Pandemic: Perspective From The*

Field di sini semalam.

Bagaimanapun, ujar beliau, segala-galanya bergantung kepada suasana semasa sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Bersyarat dan Pemulihan berakhir pada 28 April depan.

Sebelum itu, Adham pernah memberi bayangan kemungkinan umat Islam dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan merentas negeri pulang ke kampung jika lengkap dua dos vaksin.

Mengulas lanjut, beliau berkata, individu yang sudah menerima vaksin di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan juga belum dibolehkan pulang merayakan perayaan itu.

"Setakat ini kita masih tunggu data Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Pusat Kawalan Penyakit di Amerika Syarikat mengenai tahap kekebalan penerima vaksin," katanya.

Justeru, ujar beliau, banyak negara turut melarang rakyatnya merentas negeri atau wilayah domestik walaupun bukan pada musim perayaan kerana bimbang berlaku penularan baharu.

Dalam pada itu, Adham menyatakan kerajaan tidak menolak kemungkinan untuk menutup operasi bazar Ramadan sekiranya terdapat kluster baharu dipercayai daripada aktiviti bazar.

Ujarnya, penutupan bazar hanya boleh dibuat jika ada kes bergejala dan semua pengunjung yang direkodkan hadir melalui data MySejahtera akan dipanggil untuk saringan.

"Mungkin semalam (kelmarin) baru masuk hari kedua umat Islam berpuasa dan ramai teruja ke bazar Ramadan sebab tiada tahun lepas tetapi SOP tetap kena patuh," tegasnya.

Unjuran 500 kes Mei ini tidak kesampaian

PUTRAJAYA - Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba tidak dapat menyembunyikan kekecewaan apabila mengakui unjuran penurunan kes pada Mei ini tidak mungkin berlaku.

Dalam nada kesal, beliau menyifatkan kegagalan masyarakat yang alpa pematuhan prosedur operasi standard (SOP) sebagai antara penyumbang terbesar lonjakan penularan Covid-19.

"Jika anda lihat pada rajah unjuran awal ini, ia menunjukkan graf trend menurun dan kita unjur kemungkinan dapat mencapai sekitar 500 kes baharu sehari menjelang bulan depan.

"Bagaimanapun, nampaknya keadaan ketika ini tidak memberangsangkan apabila ramai tidak patuh SOP dan mungkin kes positif melonjak balik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan buku *Malaysia Health Sector Response To Covid-19 Pandemic: Perspective From The Field* di pejabatnya di sini semalam.

Menyentuh isu vaksin AstraZeneca sama ada akan digunakan dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), beliau berkata, perkara itu dijangka diketahui pada minggu depan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin (JKJAV) yang dipengerusikan beliau dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairi Jamaludin Abu Bakar yang akan meneliti semula isu tersebut.

"Secara terus terang, saya yang mendandatangani perolehan vaksin ini daripada dua sumber termasuk dihasilkan di Thailand untuk keperluan 10 peratus penduduk Malaysia," jelas beliau.



ADHAM

COVID-19
Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

Jumlah	
Kes baharu	2,148
Import:	19
Tempatan:	2,129
Pulih	1,259
Kematian	10
Masih dirawat	17,575
Jumlah kes sembuh	349,039
Jumlah Kematian	1,363
Jumlah kes keseluruhan	367,977

Bagaimanapun, ujar Adham, bekalan itu dijangka tiba pada Mei atau Jun dengan ada tempoh masa lagi jika JKJAV memutuskan untuk pembatalan perolehan atas faktor risiko tertentu.

Justeru katanya, rakyat negara ini diharap tidak perlu berasa bimbang kerana pihak kerajaan akan membuat penilaian semula berdasarkan data dan rekod terkini dari seluruh dunia.

Dua lagi kes varian UK B.1.17 dikesan masuk ke Malaysia

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan sehingga semalam, dua lagi kes Covid-19 varian UK B.1.17 telah dikesan melibatkan pengembara warga Malaysia, menjadikan sebanyak lima kes positif Covid-19 dengan varian tersebut di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kes keempat dan kelima itu mempunyai sejarah perjalanan ke Poland pada Mac 2021 dan mereka didapati positif pada

30 Mac lalu serta telah diberikan rawatan selanjutnya.

"Analisis filogenetik menunjukkan kes keempat yang dijangkiti dengan varian UK B.1.17 mempunyai persamaan ketara dengan varian dari Poland dan mempunyai kebarangkalian tinggi bahawa kes itu mendapat jangkitan ketika berada di negara tersebut.

"Bagaimanapun, punca jangkitan bagi kes kelima pula tidak dapat ditentukan kerana analisis menunjukkan perbezaan

bagi varian yang menjangkiti kes tersebut. Ini juga menunjukkan bahawa kedua-dua kes ini mendapat jangkitan melalui sumber yang berlainan," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan, varian UK B.1.17 dan varian South African B.1.351 yang dikesan di Malaysia boleh menular dengan mudah dan cepat walaupun banyak kajian saintifik masih berjalan untuk mengkaji gejala dan kesan jangkitan va-

rian-varian ini.

Berhubung kes harian negara, Noor Hisham berkata, angka tersebut kembali mencatatkan melebihi 2,000 dengan 2,148 kes semalam, menjadikan jumlah positif kes Covid-19 sebanyak 367,977 kes, manakala kes aktif dengan kebolehhajjangan merekodkan sebanyak 17,575 kes.

Menurutnya, kes harian yang dilaporkan antara lain disumbangkan oleh 15 kluster baharu melibatkan sembilan kluster tempat kerja dan enam kluster

komuniti dilaporkan di Kelantan, Selangor, Sabah, Kuala Lumpur, Johor, Terengganu dan Kedah.

"Kluster baharu iaitu Kluster Kampung Bunut Sarang Burung di Tumpat, Kota Bharu dan Tanah Merah, Kelantan dengan 50 kes melibatkan kakitangan dan pelajar pusat pendidikan di Kampung Bunut Sarang Burung, Tumpat.

"Selain itu, 40 kes Kluster Kampung Domis dikesan di Kuala Krai, Machang, Pasir Mas, Tumpat dan Tanah Merah," ujarnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Zon merah diutamakan untuk vaksin

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan akan menjalankan penilaian risiko bersama pihak negeri untuk mengenal pasti lokaliti merah seperti kluster berpanjangan untuk dipertimbangkan keutamaan pemberian vaksinasi Covid-19.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, ini termasuk kluster tempat kerja selain mengambil kira keberadaan vaksin untuk diberikan kepada kumpulan itu dalam fasa 2 dan 3 bermula 17 April ini.

Walau bagaimanapun katanya, pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) fasa kedua diutamakan kumpulan berisiko



DR. ADHAM BABA

tinggi mendapat jangkitan iaitu warga emas berusia 60 tahun dan ke atas, individu dengan komorbiditi termasuk orang

kurang upaya.

Menurutnya, mereka yang berumur 18 tahun ke atas dengan faktor komorbiditi seperti darah tinggi, kencing manis, penyakit saluran pernafasan kronik dan lain-lain merupakan golongan berisiko tinggi mendapat jangkitan wabak itu.

“Rekod menunjukkan sebanyak 69 peratus kematian di negara ini berkaitan jangkitan Covid-19 adalah dalam kalangan berumur 60 tahun dan ke atas manakala 86.9 peratus dari jumlah kematian pula mempunyai faktor komorbiditi.

“Oleh itu, dengan pemberian vaksin kepada warga emas serta mereka yang mempunyai komorbiditi diharapkan dapat

mengurangkan tahap jangkitan dan kematian akibat Covid-19,” katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Adham berkata, keutamaan pemberian vaksin kepada warga emas juga diamalkan di negara-negara lain kerana mereka mempunyai risiko tinggi mendapat jangkitan Covid-19 dan mengalami komplikasi jangkitan dan mengesyorkan supaya warga emas diberi keutamaan sebagai kumpulan pertama diberi vaksin.

Sebagai contoh, katanya, di Amerika Syarikat, Singapura dan lain-lain, warga emas disenaraikan sebagai kumpulan berisiko dan diberikan keutamaan vaksin selepas anggota barisan hadapan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : DALAM NEGERI

Sarawak, Selangor, Kelantan catat peningkatan kes mendadak

PUTRAJAYA: Kes jangkitan Covid-19 di negara ini kembali mencatatkan angka melebihi 2,000 kes dengan tiga negeri iaitu Sarawak, Selangor, Kelantan mencatat peningkatan kes yang mendadak.

